

23 JUL 2003

Mahathir-Makmal

DR MAHATHIR KECEWA DENGAN MASALAH MAKMAL KOMPUTER SEKOLAH

PUTRAJAYA, 23 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau amat kecewa dan dukacita dengan masalah yang timbul dalam pembinaan makmal komputer sekolah yang dipertanggungjawabkan kepada kontraktor Bumiputera.

Perdana Menteri berkata tujuan kerajaan mengagihkan kontrak itu kepada golongan berkenaan ialah bagi membantu seberapa banyak kontraktor besar dan kecil Melayu yang boleh.

Malangnya, kata beliau, ada di antara kontrak berkenaan bertukar tangan beberapa kali menyebabkan nilainya menurun dan menjurus kepada orang terakhir yang mendapat kontrak itu terpaksa menggunakan pelbagai cara untuk menjimatkan kos termasuk menggunakan barang yang tidak berkualiti.

"Saya minta maaf kalau kita tak dapat lagi beri kontrak kepada mereka yang tak boleh buat kerja. Kita bertanggungjawab kepada wang kerajaan dan kita ingin bantu Bumiputera.

"Tapi kalau Bumiputera buat macam tu, susahlah kita nak bantu," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-24 Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia di sini.

Isu itu hangat diperkatakan selepas Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu baru-baru ini mendedahkan bahawa 574 daripada 600 makmal komputer yang dibina di Zon Timur di bawah program pengkomputeran sekolah didapati tidak selamat.

Laporan akhbar menyebut ada yang menghadapi masalah kerosakan di bahagian bumbung atau dinding retak.

Dr Mahathir berkata masalah ini tidak akan berlaku jika kontraktor Melayu menjalankan kerja dengan tekun dan bertanggungjawab sehingga membolehkan mereka membina kepercayaan orang kepada syarikat masing-masing.

"Tapi kita nak cari untung sebanyak mungkin sehingga kayu berlubang digunakan dan simen pun tak dibancuh dengan betul," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau tidak mahu menyalahkan sesiapa kerana semua pihak bertanggungjawab, dan ini termasuk kerajaan dan dirinya sendiri kerana ingin memenuhi kehendak kontraktor Melayu.

Dr Mahathir berkata jika seseorang itu mencari untung dengan cara tidak amanah, tentunya orang lain tidak akan percaya dengannya lagi.

"Kalau buat kerja dengan betul, kita mungkin rugi daripada segi duit tapi untung daripada segi penghargaan orang kepada kita," katanya sambil menegaskan ini akan menyenangkan kontraktor Melayu mendapat projek.

Beliau berkata pemantauan oleh pihak seperti Jabatan Kerja Raya atau perunding pengurusan projek sebenarnya tidak perlu jika kontraktor membuat kerja dengan betul termasuk menepati standard yang ditetapkan.

Katanya lagi, memang ada kontraktor Melayu yang berjaya dan berwibawa sehingga mampu bersaing di luar negara tetapi bilangan kontraktor sebegini tidaklah besar.

Dalam hubungan ini, Dr Mahathir berkata ukuran kejayaan kontraktor Bumiputera sebenarnya ialah sejauh mana mereka mampu meraih kontrak daripada pihak swasta.

Perdana Menteri berkata kajian yang dibuatnya mendapati kebanyakan daripada mereka memperolehi kontrak daripada kerajaan.

"Saya nak lihat (anggota) persatuan ini masuk tender untuk projek bukan milik kerajaan. Kita mesti tunjukkan kredibiliti dengan pihak bukan kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata sebab itulah kerajaan memberi sokongan kepada

golongan kontraktor yang berjaya mendapat projek di luar negara kerana ini bermakna mereka mampu berdiri tanpa terlalu mengharapkan pertolongan kerajaan.

Selain itu, Dr Mahathir menceritakan dengan panjang lebar tentang sebuah buku yang dibacanya berhubung kejayaan golongan minoriti di banyak negara di seluruh dunia menguasai kekayaan dan ekonomi berbanding golongan majoriti.

Dalam konteks ini, beliau berkata orang Melayu perlu bertanya diri mereka sendiri mengapa mereka tidak boleh berjaya seperti bangsa lain terutamanya kaum Cina di negara ini.

Dr Mahathir berkata orang Melayu perlu mencontohi sikap sabar dan sanggup bermula dari bawah yang dimiliki masyarakat Cina dalam mengejar kejayaan.

"Saya tak setuju dengan budak-budak keluar universiti terus nak jadi usahawan. Ini mana boleh. Kerjalah dulu untuk cari pengalaman," katanya.

Pada sesi dialog selepas itu, Dr Mahathir berkata kerajaan mengakui bahawa ia tidak mampu memantau semua projek yang dilaksanakan dan menyerahkan kepada kementerian memantau sendiri pelaksanaan projek masing-masing.

Ketika ditemui pemberita, Dr Mahathir berkata kabinet hari ini membincangkan isu makmal komputer sekolah dan usaha sedang dibuat untuk mengatasinya.

Beliau berkata tindakan akan diambil terhadap sesiapa yang didapati bersalah termasuk cuai dalam melaksanakan projek berkenaan.

Semua aspek mengenainya akan dikaji bagi mengelak orang yang tak bersalah dituduh bersalah, katanya.

-- BERNAMA

MAM RON